



Pelajar-pelajar UiTM yang bertugas di Kaunter Pendaftaran

ONE WEEK ONE STORY

ONE WEEK ONE STORY

KARNIVAL KITA

Pelajar tahun akhir ber ‘Karnival Kita’ di Kampung Gedung, Simunjan

Penulis: Suhaida Halamy, Dr. Hajah Imilia Ibrahim dan Azwa Azeera Suliman

Seawal jam 6 pagi pelajar tahun akhir dari kumpulan IM1105A telah mempersiapkan segala kelengkapan peralatan dan barang-barang untuk di bawa ke bas yang telah sedia menunggu di hadapan Pusat Pelajar. Segala persiapan telah dibuat dari seawal semester lagi, akhirnya Kg. Gedung di pilih bagi memenuhi keperluan kursus Extension Services for Information Agencies (IMD314). Program ini dijalankan selama dua hari dengan diiringi pensyarah Dr. Hjh. Imilia Ibrahim dan saya sendiri, Cik Suhaida Halamy. Perjalanan ke Kg. Gedung mengambil masa selama satu jam setengah dari UiTM Samarahan. Keheningan pagi yang mendamaikan membuatkan perjalanan kami tidak terasa apabila sampai ke destinasi tepat pada masanya.

Berkampung di hari minggu Sabtu dan Ahad, pada 16 sehingga 17 Disember 2023, adalah tarikh di mana program bersama komuniti penduduk kampung dilaksanakan. Pelajar menamakan program ini ‘Karnival Kita’ bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Seramai 29 pelajar terlibat dalam mengendalikan karnival ini, dengan masing-masing telah diberikan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Objektif program ini antaranya adalah untuk mewujudkan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan penduduk kampung tidak kira latarbelakang dan umur dengan pelbagai aktiviti yang disediakan.

Bas berhenti menuju ke persinggahan pertama iaitu di homestay, penginapan pelajar bagi menurunkan beg dan barang-barang peribadi. Seterusnya kami di bawa menaiki bas dan terus ke Dewan Datuk Patinggi Ali, di mana lokasi karnival dijalankan. Dewan ini sangat luas dan merupakan dewan terbuka yang dikelilingi dengan kedai makan dan pelbagai fasiliti lain disediakan. Tiba

di dewan, bahang panas makin terasa sedang pelajar sibuk mengeluarkan kelengkapan dan barang-barang program dari bas untuk di bawa ke dewan. Kelihatan juga pelajar yang mengemas dan menyapu dewan bagi membuat persediaan memulakan aktiviti. Ada penduduk kampung yang sudah datang dan tidak sabar untuk bersama pelajar melakukan aktiviti.

Selesai mengemas dan mempersiapkan dewan, kira-kira jam 9.30 pagi, kaunter pendaftaran dibuka bagi penduduk kampung membuat pendaftaran pertandingan dan aktiviti-aktiviti yang disediakan. Kebanyakkan ibu-bapa mendaftarkan anak-anak mereka bagi pertandingan Info Hunt, membina origami, kitar semula kraf fun, reka bentuk buku dan lain-lain lagi. Aktiviti yang paling mendapat sambutan adalah pertandingan mewarna, Info Hunt, futsal, bola jaring dan Open Mic. Pelajar sangat teruja apabila penyertaan mendapat sambutan yang sungguh hangat dari penduduk kampung.

Pertandingan Info Hunt merupakan aktiviti pertama yang dimulakan pada jam 10.30 pagi. Sebanyak 6 kumpulan dipertandingkan dan fasilitator di kalangan pelajar dibahagikan kepada setiap kumpulan. Peserta perlu mencari klu di setiap enam check point yang disediakan. Kumpulan pertama yang berjaya memenuhi semua klu adalah dikira sebagai pemenang. Penyertaan pertandingan Info Hunt adalah terbuka, tiada had umur ditetapkan. Maka setiap kumpulan terlihat bercampur-campur dari segi umur dan jantina. Cabaran demi cabaran terpaksa diharungi apabila cuaca semakin panas kerana

check point diletakkan di kawasan-kawasan berasingan jauh dari lokasi dewan. Hampir jam 12 tengahari pertandingan Info Hunt tamat, dan kumpulan pemenang dikenal pasti.

Hari pertama, 16 Disember, diteruskan dengan jamuan makan tengahari. Setelah itu, persediaan diteruskan untuk aktiviti pada jam 2 petang. Sebanyak 4 pertandingan disediakan iaitu pertandingan mewarna, membina origami, kitar semula kraf fun dan reka bentuk buku. Semua aktiviti ini dijalankan serentak dan pada masa yang sama, jauh diseberang jalan adalah aktiviti melukis dan mengecat mural di Perpustakaan Awam Desa Kg. Gedung sedang dimulakan. Suasana riuh hiruk pikuk memenuhi suasana dewan dengan gelak ketawa kanak-kanak, ibu bapa dan penduduk kampung. Ketika aktiviti pertandingan ini sedang berlangsung, beberapa pelajar pula ditugaskan untuk menghias dewan dan di bantu oleh beberapa anak muda dari Kg. Gedung bagi acara malam kebudayaan pada sebelah malam. Aktiviti pertandingan berakhir dalam jam 4 petang dan aktiviti seterusnya jam 4.30 petang adalah perlawanan futsal dan bola jaring. Perlawanan futsal diadakan di gelanggang futsal tidak jauh dari lokasi dewan manakala bola jaring diadakan di dalam dewan. Perlawanan sungguh sengit di antara pasukan, di mana masing-masing menunjukkan semangat kesukanan untuk menang. Pemenang perlawanan ditentukan



Pertandingan mewarna yang mendapat sambutan hangat di kalangan kanak-kanak Kg. Gedung

dan kesemua aktiviti selesai dalam jam 6 petang. Seterusnya, para pelajar pulang ke homestay bagi mempersiapkan diri untuk aktiviti malam kebudayaan.

Malam menjelma, pelajar bersiap cantik dan anggun dengan kostum mengikut tema masing-masing iaitu Classic Rock and Retro. Kerusi telah disusun dan dewan telah dihias cantik, PA sistem telah bersedia untuk mengalunkan alunan muziknya. Penduduk kampung sedikit demi sedikit datang memenuhi ruang dewan. Mereka sangat teruja apabila nombor cabutan bertuah diberikan. Acara malam kebudayaan dimulakan pada jam 8.30 malam. Pengacara pada malam itu, saudara Max dan saudari Ainaa, menjemput penduduk kampung dan mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir. Open Mic diadakan pada malam itu yang merupakan acara nyanyian terbuka untuk penduduk kampung. Acara ini mendapat sambutan hangat dari orang dewasa sehingga kanak-kanak. Kebanyakkan persembahan adalah nyanyian dari pelbagai genre kecuali satu penyertaan adalah tarian Nopeng yang klasik. Semua yang hadir sangat terhibur dengan acara Open Mic dan ada yang bernyanyi bersama-sama dengan peserta.

Acara yang ditunggu-tunggu seterusnya adalah cabutan bertuah. Penduduk kampung bersorak gembira apabila nombor mereka disebut untuk hadiah cabutan bertuah. Tidak dilupakan juga, persembahan kemuncak pada malam itu diakhiri dengan tarian oleh pelajar-pelajar IM1105A. Usai acara malam kebudayaan dalam jam 11 malam, penduduk kampung bersurai ke rumah masing-masing dan pelajar pulang ke homestay. Malam masih muda, tiba di homestay, semua bersedia untuk berBBQ pula. Masing-masing berbual dan bergurau sesama mereka, mengenang kembali aktiviti-aktiviti yang dijalankan di siang dan malam hari. Akhirnya kesemua pelajar masuk ke bilik dan ke katil dalam jam 2.30 pagi.

Seawal jam 6 pagi, 17 Disember, para pelajar telah bersedia membuat persiapan bagi aktiviti yang akan dijalankan. Pelajar kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan. Aktiviti diteruskan dengan menyudahkan aktiviti mengecat mural di Perpustakaan Awam Desa Kg. Gedung oleh kumpulan 1. Cuaca yang semakin panas, membuatkan aktiviti mengecat mural agak mencabar pada pagi tersebut. Manakala, kumpulan 2 ditugaskan untuk menyediakan sudut bacaan di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Kg. Gedung. Dua rak kayu disediakan dan buku-buku hasil derma dari para pelajar sendiri diletakkan di pusat tersebut. Kemudian, aktiviti diteruskan dengan pelajar dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil bagi memulakan sesi temu bual bersama orang kampung tentang aktiviti kehidupan, ekonomi, pendidikan dan sosial di kampung tersebut.

Jarum jam menunjukkan hampir ke jam 11 pagi, aktiviti diteruskan dengan sesi forum yang bertajuk Mendepani Cabaran Penipuan di Media Sosial. Penduduk kampung mengambil tempat di dewan bagi mendengar sesi forum yang berlangsung. Panel forum terdiri daripada saya, Cik Suhaida, pensyarah dan dua wakil pelajar iaitu Saudari Ainaa dan Saudari Bibiana, manakala Dr. Hjh Imilia pula selaku moderator. Tajuk forum yang dipilih merupakan isu yang kerap berlaku sekarang telah berjaya menarik minat penduduk kampung bagi mereka menambah ilmu pengetahuan dan mempunyai kesedaran apabila menggunakan media sosial.

Selesai sesi forum, acara diteruskan dengan upacara penutup dan penyampaian hadiah bagi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada hari pertama. Ucapan kata-kata aluan dimulakan oleh Encik Asri bin Bakri, wakil Presiden Gedung Unity dan juga wakil penduduk Kg. Gedung.



Sesi Forum: Dr. Hajah Imilia sebagai moderator dan ahli panel terdiri daripada Cik Suhaida, Saudari Ainaa dan Saudari Bibiana

Seterusnya ucapan penutup oleh Ketua Program Karnival Kita, Saudari Azwa Azeera binti Suliman. Bagi memeriahkan acara penutup pada pagi itu, selain upacara penyampaian hadiah, aktiviti cabutan bertuah juga turut diberikan. Penduduk kampung sangat gembira dan teruja dengan program yang berlangsung selama dua hari ini. Mereka berharap agar lebih banyak program-program sebegini dapat dijalankan di kampung mereka. Selepas bersurai, tetamu jemputan dan para pelajar disediakan dengan jamuan tengahari dan penduduk kampung diberikan snek ringan dan air.

Usai jamuan tengahari, pembersihan dewan dan kawasan sekeliling oleh para pelajar secara bergotong royong. Setelah itu, pelajar terus pulang ke homestay bagi mengemas barang dan kelengkapan masing-masing. Bas tiba jam 3.30 petang di homestay untuk mengambil para pelajar dan pulang ke UiTM Samarahan, maka berakhirlah program Karnival Kita di Kg. Gedung. Sepanjang perjalanan pulang, terdengar ada pelajar-pelajar yang masih berbual-bual sambil ketawa dan ada juga yang sudah bermimpi indah. Cuaca petang yang mendamaikan dan perjalanan yang lancar, kami selamat tiba di UiTM Samarahan dalam jam 6 petang. Walaupun terserah kepenatan di wajah setiap pelajar, namun segala kenangan, pengalaman dan ilmu baru yang diperolehi selama dua hari berkampung di Kg. Gedung merupakan perkara terindah yang tidak dapat dilupakan. Semoga program ini dapat memberikan aspirasi dan inspirasi yang berguna kepada pelajar di masa hadapan.



Sesi bergambar kenangan bersama penduduk kampung dan tetamu jemputan, Encik Asri bin Bakri, wakil Presiden Gedung Unity